

Projek jalan pintas didakwa punca banjir



Projek jalan pintas baharu menghubungkan Kampung Malaysia Tambahan dengan Desa Petaling didakwa punca banjir lumpur di sekitar kawasan itu.

KUALA LUMPUR - Kerja menaruh bukit bagi projek jalan pintas baharu menghubungkan Kampung Malaysia Tambahan dan Desa Petaling, didakwa menjadi punca berlaku banjir lumpur di sekitar kawasan itu, baru-baru ini.

Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan, Sub Zon 9 (MPP9) Parlimen Bandar Tun Razak, Mohd Zainudin Amran berkata, Pangsapuri Seri Malaysia yang berada di kawasan rendah antara kawasan paling teruk terjejas.

Menurutnya, kejadian itu memberi kesan pada permukaan jalan di kawasan berkenaan.

"Air lumpur memasuki kawasan parkir di pangsapuri berkenaan dan turut menjejaskan beberapa kenderaan. Namun, tidak dapat dipastikan sama ada melibatkan kerosakan atau

kerugian.

"Pihak MPP9 telah panjangkan perkara ini dan menghantar aduan rasmi supaya ia diberi perhatian serta memastikan projek itu dijalankan tanpa beri kesan buruk kepada kawasan sekitar," katanya.

Difahamkan, kerja membersihkan kawasan terjejas telah dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), baru-baru ini.

Dalam pada itu, Zainudin berkata, pihaknya juga berharap DBKL memantau kontraktor terlibat supaya menjaga kebersihan jalan raya di kawasan itu terutama pada musim hujan ini.

"Kolam pencuci tayar lori yang sepatutnya digunakan kenderaan itu untuk mengurangkan kekotoran juga tidak dibuat menyebabkan jalan raya kotor," katanya.